

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(B)54**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB GOH CHOON AIK**

54. Huraikan pelaburan pembuatan ke Pulau Pinang bagi tahun 2024 dan 2025.
- (a) Huraikan nilai eksport melalui Pelabuhan Pulau Pinang dan LTAPP bagi tahun 2024 dan 2025.
  - (b) Huraikan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 dan 2025.
  - (c) Apakah perkembangan tuntutan 20% dari sumber hasil cukai yang dikutip dari Pulau Pinang?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

54. Berdasarkan sumber Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), jumlah pelaburan dalam sektor pembuatan di Pulau Pinang bagi tahun **2024** direkodkan sebanyak **RM17.3 bilion**. Seterusnya, bagi tempoh sehingga **Jun 2025**, nilai pelaburan sektor yang sama telah mencecah **RM12.5 bilion**.

- (a) Merujuk sumber Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bagi tahun 2024, nilai eksport melalui **Pelabuhan Pulau Pinang** direkodkan sebanyak **RM60.8 bilion**, manakala **Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang** mencatatkan nilai eksport sebanyak **RM411.1 bilion**. Bagi tempoh **Januari hingga Ogos 2025**, nilai eksport melalui **Pelabuhan Pulau Pinang** direkodkan sebanyak **RM37.0 bilion**, manakala melalui **Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang** pula sebanyak **RM310.9 bilion**.
- (b) Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak **RM50 juta** bagi tempoh lima (5) tahun kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi pelaksanaan inisiatif InvestPenang iaitu Penang Silicon Design @5km+(PSD@5KM+). Peruntukan ini diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 7 Disember 2024 semasa merasmikan pelancaran PSD@5KM+.

Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Ekonomi telah menyalurkan sebanyak **RM3.6**

**juta pada 11 Disember 2024 dan RM8 juta pada 19 Mac 2025** kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan pelaksanaan inisiatif ini berjalan lancar.

- (c) Berhubung isu pulangan hasil cukai yang dikutip dari Pulau Pinang oleh Persekutuan, YAB Ketua Menteri telah banyak kali mengutarakannya sama ada menerusi pertanyaan soalan serta perbahasan di Dewan Rakyat dan juga kenyataan-kenyataan media yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Semasa menjawab Soalan Lisan YAB Ketua Menteri sebagai Ahli Parlimen Batu Kawan di Dewan Rakyat pada 25 Ogos 2025, Timbalan Menteri Kewangan menyatakan bahawa pihaknya akan membawa usul tersebut untuk semakan semula di bawah Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah ekoran cadangan yang dibangkitkan oleh YAB Ketua Menteri bahawa adalah menjadi keperluan Kerajaan Persekutuan membuat semakan serta menambah baik 'Model Perkongsian Hasil Persekutuan - Negeri' yang dipraktikkan kini kepada semua negeri.

Sebagai tambahan, pada perbahasan Belanjawan Persekutuan 2026 bertarikh 15 Oktober 2025 di Dewan Rakyat, YAB Ketua Menteri sekali lagi menekankan bahawa sudah tiba masanya juga sebuah perjanjian yang tulus dan luhur antara Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri dimeterai berhubung perkongsian hasil cukai negeri atau pulangan kembali kepada hasil kutipan yang dikutip kepada setiap negeri. Turut ditekankan pada perbahasan tersebut adalah pada Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Ke-147 bertarikh 7 Oktober 2025, Memorandum Cadangan Semakan Model Perkongsian Hasil Di Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Melalui Penubuhan Suruhanjaya Geran Persekutuan – Negeri yang disediakan oleh Pulau Pinang juga tidak diterima untuk dibentangkan bagi pertimbangan. Sehubungan itu, Pulau Pinang mencadangkan agar ditubuhkan sebuah suruhanjaya khas bagi mengkaji cadangan ini yang bukan hanya untuk Pulau Pinang, tetapi juga semua negeri di Malaysia.